

15/06/2003

Pelajar perlu menguasai bahasa Inggeris

Azidan Nahar

PETALING JAYA: Pelajar tidak seharusnya sekadar memahami bahasa Inggeris saja, sebaliknya mampu berkomunikasi dengan baik dan boleh memberikan pendapat serta idea yang bernas melalui lisan dan penulisan dalam bahasa itu.

Presiden Persatuan Oxford dan Cambridge Malaysia, Tan Sri Abdullah Ahmad, berkata kini kebanyakan pelajar sudah mengetahui dan memahami mengenai pentingnya bahasa antarabangsa itu.

Beliau yang juga Ketua Pengarang Kumpulan New Straits Times Press Berhad

(NSTP), berkata Perdana Mentari, Datuk Seri Mahathir Mohammad dan Timbalan

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi juga menegaskan kepentingan bahasa itu yang menjadi bahasa utama dunia sama ada disukai atau tidak.

"Kita mesti menguasai bahasa Inggeris bagi membolehkan kita bersaing dalam politik global dan ekonomi dunia. Kita tahu yang jika diberikan peluang, kita berupaya cemerlang dalam bahasa berkenaan dan bersaing pada

peringkat antarabangsa," katanya ketika majlis penyampaian hadiah pemenang

pertandingan penulisan esei bahasa Inggeris Kolej Sunway, di sini, semalam.

Turut hadir kira-kira 1,000 pelajar tingkat empat dan lima yang dipilih

khas daripada beberapa negeri.

Abdullah berkata, kecemerlangan dalam bahasa Inggeris ini dibuktikan kebanyakan rakyat Malaysia yang mendapat pendidikan dari Universiti Oxford

dan Cambridge serta universiti terkenal dunia yang lain.

Katanya, ketika beliau masih kecil, perkara gembira yang paling sukar dijelaskan ialah keputusan bapanya menghantar beliau ke sekolah aliran Inggeris dan pada ketika itu beliau berasa masa depannya akan menjadi cerah dan membesar sebahagian daripada golongan elit berpendidikan tinggi.

Beliau berkata, pada peringkat permulaan memang sukar baginya menguasai

bahasa itu tetapi disebabkan keseluruhan kurikulum diajar dalam bahasa Inggeris, beliau terpaksa mempelajari bahasa itu dengan baik untuk mendapat pendidikan sempurna.

Abdullah juga berbangga dengan penggunaan bahasa Inggeris yang baik di mana saja di negara ini terutama golongan muda dan sebagai sebahagian Persatuan Oxford dan Cambridge di negara ini.

Malah, beliau amat menggalakkan dan berterima kasih kepada sekolah dan pelajar yang menyertai pertandingan berkenaan.

"Kami amat berbangga dengan kualiti esei yang ditulis semasa pertandingan ini, sebahagiannya adalah amat baik sehingga kami jangka boleh melanjutkan pelajaran ke Universiti Cambridge ataupun menjadi seorang wartawan," katanya.

Pertandingan yang turut mendapat kerjasama Persatuan Bekas Pelajar Oxford dan Cambridge itu disertai 24 sekolah menengah sekitar Lembah Klang, Seremban dan Perak, dimenangi Cheah Peng Loon, 15, dari Sekolah Menengah Kebangsaan Subang Jaya manakala tempat kedua; Irving Tan Zhi Mian, 15, dari Maktab Tentera Diraja dan tempat ketiga Heng Aik Koy, 16, dari St Paul Institution, Seremban sementara pemenang sagu hati pula ialah

M Darsyayani, M Krishnaraj dan Liew Eu Wye.